

TEKS UCAPAN
YBRS. PROF. DR MOHD HAFIZ MOHAMAD
HANAFIAH
MENJALANKAN TUGAS TIMBALAN REKTOR
HAL EHWAL PELAJAR

MEWAKILI
YBRS. PROF. DR AHMAD TAUFEEK ABDUL
RAHMAN
MENJALANKAN FUNGSI REKTOR
UiTM CAWANGAN SELANGOR

SEMPENA
MAJLIS PERASMIAN PENUTUPAN
BULAN KAUNSELING KEBANGSAAN 2025
PERINGKAT UiTM CAWANGAN SELANGOR

29 OKTOBER 2025 | RABU | 4.00 PETANG
GOOGLE MEET
UiTM CAWANGAN SELANGOR

Terima kasih Pengacara Majlis

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

**ALHAMDULILLAH RABBI ALAMIN
WASOLATU WASALAMU ALA
ASYRAFIL ANBIYAI WAL MURSALIN
WA ALA ALIHI WASOHBIHI AJMAIN**

Yang Berusaha Tuan Hj Sulaiman Selamat

Ketua Unit Psikologi & Kaunseling

Bahagian Hal Ehwal Pelajar

UiTM Cawangan Selangor

Barisan Ahli Jawatankuasa Sambutan Bulan

Kaunseling & Kesihatan Mental 2025 UiTM

Cawangan Selangor

Para pelajar yang dikasihi, tuan-tuan, puan-puan dan hadirin yang dihormati.

**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,
Salam Sejahtera, Salam Malaysia Madani dan
Salam UiTM di Hatiku.**

1. Terlebih dahulu, mewakili YBrs. **Profesor Dr. Ahmad Taufek Abdul Rahman**, yang **Menjalankan Fungsi Rektor UiTM Cawangan Selangor**, saya menyampaikan salam beliau dan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua yang hadir.
2. Alhamdulillah, dengan izin Allah SWT kita dapat sama-sama seacra atas talian bagi menjayakan **Majlis Penutupan Bulan Kaunseling dan Kesihatan Mental 2025 Peringkat UiTM Cawangan Selangor**.
3. Untuk makluman semua, tema Bulan Kaunseling Kebangsaan 2025, **“Kaunseling Era Digital, Santuni Emosi Sejahtera Insani”**, mengingatkan kita bahawa walau dunia bergerak pantas dengan

teknologi, nilai empati dan kemanusiaan mesti terus dipelihara.

4. Saya percaya bahawa penyantunan insan berteraskan nilai kemanusiaan wajar terus diperkukuh bagi membentuk kesejahteraan mental yang positif serta menjadi benteng terhadap ancaman penyakit mental, khususnya dalam kalangan remaja dan generasi muda.

Hadirin Sekalian,

5. Bertepatan tema Sambutan **Bulan Kaunseling Kebangsaan tahun 2025** ini, tiga fokus utama telah digerakkan iaitu:

Pertama, Kaunseling Era Digital – memperkasa literasi emosi dan digital merangkumi amalan kebersihan digital, pengesahan maklumat, keselamatan siber serta pencegahan penipuan

dalam talian, agar teknologi kekal menjadi pemudah urusan, bukan sumber mudarat.

Kedua, Santuni Emosi – mengarusperdanakan kemahiran bantu asas melalui latihan kawalan diri, di samping memperkukuh laluan rujukan awal yang jelas serta beretika.

Ketiga, Sejahtera Insani – membina ekosistem sokongan yang melibatkan kaunselor, pegawai psikologi klinikal, penasihat akademik, peer support, kolej kediaman dan komuniti.

6. Saya dimaklumkan bahawa sepanjang Oktober 2025, UiTM Cawangan Selangor melalui Unit Psikologi dan Kaunseling HEP telah menganjurkan pelbagai program berteraskan kaunseling dan kesejahteraan mental di peringkat kampus, fakulti dan kolej kediaman, dengan pengisian yang dirancang agar mudah diamalkan dalam

pengurusan emosi, keseimbangan diri dan kehidupan seharian pelajar serta warga universiti.

7. Justeru, saya menyeru para mahasiswa agar sentiasa berani, yakin dan percaya ketika mengambil langkah untuk mendapatkan bantuan psikologi atau sokongan kesihatan mental, kerana tiga asas ini menjadi kunci kepada kesejahteraan diri yang sebenar.
8. Kepada para akademik, staf pentadbiran dan seluruh warga kampus pula, saya menyeru agar budaya empati dijadikan asas dalam setiap interaksi, berlandaskan prinsip mendengar terlebih dahulu, menilai dengan bijaksana, dan merujuk kepada pihak berkeelayakan apabila diperlukan.
9. Kepada para kaunselor, pegawai psikologi dan pegawai psikologi klinikal, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas komitmen serta khidmat profesional yang menjadi nadi kepada

pemulihan dan kesejahteraan psikologi warga UiTM secara keseluruhan.

10. Walaupun sumbangan anda kadangkala tidak terlihat atau kurang mendapat perhatian, hakikatnya anda merupakan wira tidak didendang yang terus berkhidmat dengan penuh tanggungjawab, integriti dan akauntabiliti demi kesejahteraan warga universiti.

Air jernih mengalir ke muara,
Ikan berenang riang di dasar;
Kaunseling membimbing seluruh warga
Jiwa tenteram, hidup sejahtera.

11. Dengan lafaz suci Bismillahirrahmanirahim, saya dengan sukacitanya merasmikan **Majlis Penutupan Bulan Kaunseling & Kesihatan Mental 2025 Peringkat UiTM Cawangan Selangor.**

Sekian,

Wabillahitaufiq Wassalamualaikum

Warahmatullahi Wabaraktuh